

03 MAR 1997

Kemahiran-IT

BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DIPERKENALKAN DALAM PERTANDINGAN KEMAHIRAN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Ke-8 yang di jangka diadakan selama enam hari bermula 18 Sept depan akan menampilkan bidang Teknologi Maklumat (IT) sebagai satu daripada bidang baru dalam pertandingan itu, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata, bidang baru itu di bawah kategori belia merupakan satu langkah bagi menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar rakyat negara ini mempunyai kesedaran dan menguasai IT dan seterusnya menjayakan projek Koridor Raya Multimedia.

Semasa bercakap pada persidangan berita selepas melancarkan pertandingan itu di Kementerian itu di sini beliau berkata, menerusi pertandingan itu para peserta akan diuji tentang kemahiran mereka menggunakan pelbagai jenis perisian komputer serta pembentangan data.

Beliau berkata, ini bermakna pertandingan tahun ini akan mempunyai 23 bidang kemahiran dengan 14 dalam kategori terbuka, 22 untuk kategori belia dan tiga acara yang diadakan secara berpasukan.

Samy Vellu berkata, bidang kemahiran bagi kategori terbuka termasuk penerapan bata, pemasangan paip dan automobil manakala bagi kategori belia termasuk Pembuatan Acuan dan Alat Pemetong, Lukisan Kejuruteraan Mekanikal dan Teknologi Maklumat manakala acara berpasukan ialah dalam bidang automobil, kemahiran kemasan pembinaan dan pembinaan struktur.

Beliau berkata pertandingan itu akan diadakan di Shah Alam, iaitu di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan Institut Teknologi Mara.

Mengenai bilangan peserta, Samy Vellu berkata pada pertandingan terdahulu, sebanyak 500 peserta mengambil bahagian dan adalah di jangka tahun ini bilangannya akan bertambah kepada 800 orang.

Beliau berkata, nilai hadiah pertandingan juga telah dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM5,000 bagi johan kategori belia dan daripada RM8,000 kepada RM10,000 bagi johan kategori terbuka dan berpasukan.

Terdahulu semasa berucap Samy Vellu berkata, salah satu pra-syarat bagi negara untuk merealisasikan matlamat Wawasan 2020 ialah dengan wujudnya sumber manusia yang dinamik, produktif dan berkualiti.

"Tetapi senario sekarang memperlihatkan bagaimana bidang-bidang kemahiran khususnya yang berkaitan dengan industri pembinaan bangunan dilepaskan kepada tenaga manusia bukan warganegara," katanya.

Justeru itu matlamat pertandingan adalah bagi memupuk minat belia tempatan untuk menjadi pekerja mahir di sektor industri di samping memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara,

Beliau berkata ini juga adalah sejajar dengan matlamat kerajaan bagi mencapai sasaran nisbah lapan orang separa profesional bagi setiap seorang profesional menjelang tahun 2,000. Pada tahun 1995 nisbah itu ialah 17 separa profesional bagi setiap seorang profesional. -- BERNAMA

AKT PR